

16/11/1997

Mahathir-Chirac dijangka bincang siasatan Amerika

KULIM: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Perancis, Jacques Chirac, dijangka membincangkan isu siasatan Amerika Syarikat terhadap Petronas dan sebuah syarikat negara itu, Total SA, kerana membuat pelaburan di Iran.

Perdana Menteri berkata, kedua-dua negara menghadapi masalah yang sama dengan Amerika dan mungkin membincangkannya.

"Jika ia berbaloi untuk dibincangkan, kita akan membincangkannya kerana kedua-dua negara kini dalam `kapal yang sama'," katanya ketika ditemui pemberita selepas merasmikan kilang Industri Otomotif Komersil (M) Sdn Bhd di Padang Meha dekat sini, semalam.

Menurutnya, perbincangan beliau dengan Chirac turut akan merangkumi hubungan dua hala dan hal ehwal antarabangsa.

Amerika baru-baru ini memberi amaran kepada lima syarikat antarabangsa bahawa mereka menghadapi risiko dikenakan sekatan jika siasatan mendapati urusan perniagaan Petronas, Total Sa dengan tiga syarikat lain, melanggar Akta Sekatan Iran-Libya negara itu.

Tiga syarikat itu ialah Gazprom (Russia), Bow Valley (Kanada) dan Kumpulan Bakrie (Indonesia).

(END)